DASAR PERBUKUAN NEGARA

MALAYSIA MEMBACA
INDUSTRI DIPERKASA

DASAR PERBUKUAN NEGARA

DASAR PERBUKUAN NEGARA

MALAYSIA MEMBACA
INDUSTRI DIPERKASA

Kuala Lumpur
2026

DASAR PERBUKUAN NEGARA: MALAYSIA MEMBACA INDUSTRI DIPERKASA

Diterbitkan oleh:
URUS SETIA TETAP MAJLIS BUKU KEBANGSAAN MALAYSIA
Kementerian Pendidikan
Aras 1, Blok 2251
Bangunan Mustapha Kamal, Jalan Usahawan 1
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

Cetakan Pertama 2026
Penerbitan © Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia
Teks © Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-98696-2-7 (hardback)

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi, foto dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia.

Penasihat editorial dan penerbitan: Mohd Khair Ngadiron
Editor dan penyelenggara: Siti Amiza Abdul Aziz, Wan Salahudin Wan Abdullah, Zulaikah Begam T. Bavutty, Nurul A'syiqin Haris
Atur huruf dan reka bentuk kulit buku: Mohamad Farez Abdul Karim
Pembaca pruf: Dr. Rosmani binti Omar, Aina Juslida Jamil

Khidmat penerbitan oleh:

SMART FORUM RESOURCES
(*SA 056751-V*)
D/A Persatuan Penulis Nasional Malaysia
961-7, Jalan Dewan Bahasa
50460 Kuala Lumpur

Dicetak di Malaysia oleh:

ATTIN PRESS SDN BHD
No. 8, Jalan Perindustrian PP4
Taman Perindustrian Putera Permai
Bandar Putra Permai
43300 Seri Kembangan
Selangor, Malaysia

KANDUNGAN

Aspirasi *vii*

Kata Pengantar *ix*

Kata Alu-aluan *xi*

Prakata *xiii*

1 Pengenalan

1.1 Latar Belakang Majlis Buku Kebangsaan Malaysia 1

1.2 Peranan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia 3

1.3 Keanggotaan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia 5

2 Dasar Perbukuan

2.1 Evolusi Dasar Perbukuan 9

2.2 Matlamat 10

2.3 Objektif 10

2.4 Prinsip Utama 10

3 Landskap Perbukuan

3.1 Persekitaran dan Tinjauan Perbukuan Global 13

3.2 Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 2022/2023 15

4 Cabaran

4.1 Cabaran Perbukuan Negara 17

4.1.1 Kelahiran Pembaca Baharu 17

4.1.2 Pembangunan Kandungan 18

4.1.3 Kesedaran tentang Literasi Undang-undang dan Keupayaan Mempertahankan Hak Cipta dalam Era Digital 19

4.1.4 Penterjemahan Profesional yang Berimpak Tinggi 20

4.1.5 Kesediaan Pemain Industri Mengadaptasi Perubahan Pendigitalan 21

4.1.6 Pewujudan Pusat Sehenti Perbukuan Negara 22

4.1.7 Pengadaptasian Model Perniagaan Baharu 22

4.1.8 Kemampanan Program Rangsangan 23

4.1.9 Cabaran Akses Inklusif kepada Bahan Bacaan untuk OKU 23

5 Gagasan Pelaksanaan

5.1 Pernyataan Dasar 25
5.2 Kerangka Dasar Perbukuan Negara 27
5.3 Gagasan, Strategi, dan Prakarsa 28
- Gagasan 1: Budaya Membaca 28
- Gagasan 2: Pendigitalan 30
- Gagasan 3: Literasi Undang-undang dan Hak Cipta 32
- Gagasan 4: Penterjemahan Profesional 34
- Gagasan 5: Pembangunan Profesionalisme 36
- Gagasan 6: Pusat Sehenti Perbukuan Negara 37
- Gagasan 7: Ekonomi Perbukuan Baharu 39
- Gagasan 8: Rangsangan 41
- Gagasan 9: Ekosistem Perbukuan Inklusif 43

6 Melangkah ke Hadapan

Glosari 47
Rujukan 49
Ahli Jawatankuasa Dasar Perbukuan Negara 51

ASPIRASI

REVOLUSI PERINDUSTRIAN 4.0 telah mencetuskan pelbagai perubahan dalam landskap ekonomi, geopolitik, dan teknologi dunia. Peralihan fokus daripada kuasa Barat kepada gabungan kuasa besar lain yang mempunyai daya saing yang cukup luar biasa menuntut negara bersiap siaga untuk bersama-sama memperoleh manfaat secara optimum daripada perubahan landskap ini.

Malaysia berada pada masa dan kedudukan terbaik dalam melonjakkan kedudukan ekonomi negara dan serantau. Usaha pendigitalan, teknologi hijau, dan pelaburan syarikat multinasional telah meletakkan kita pada landasan yang terbaik dalam memacu Malaysia ke arah status negara maju.

Pertumbuhan ekonomi yang pesat bukanlah hanya berkaitan dengan kadar kenaikan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mahupun kadar pengeluaran industri semata-mata, bahkan perlu didasari oleh pembangunan jiwa dan roh masyarakat. Pembudayaan nilai, etika, adab, dan budi seiring dengan pemerkasaan bahasa kebangsaan merupakan tonggak kesepaduan masyarakat. Hal ini memerlukan anjakan dasar yang lebih progresif yang memetakan jalan baharu industri perbukuan negara. Anjakan ini menjadi penunjuk arah dalam mengadaptasikan tugas dan peranan masing-masing bagi membangunkan negara bangsa.

> “Pemerkasaan ekonomi itu harus ditekankan, diberikan penekanan seiring dengan pemerkasaan budaya (*cultural empowerment*). Mana ada tamadun hanya dengan kekuatan ekonomi, kekuatan ekonomi sekarang menjadi fundamental tetapi tamadun itu bangkit, MADANI itu kerana kemampanannya, ihsannya, amanahnya, dan pemerkasaan yang disebut ekonomi budaya. Bila kita sebut budaya, bahasa, seni, sastera itu tergabung, terangkum dalam konsep yang lebih menyeluruh.”
>
> (Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim,
> semasa merasmikan Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2024)

Tanggungjawab membina negara bangsa ialah tanggungjawab bersama!

KATA PENGANTAR



ALHAMDULILLAH, saya bersyukur kerana Dasar Perbukuan Negara dapat diperkenalkan sebagai dasar yang lebih progresif bagi menggantikan Dasar Buku Negara 1985. Dasar Perbukuan Negara merupakan kesinambungan usaha untuk memupuk budaya membaca serta memperkukuh peranan buku sebagai sumber ilmu, wadah budaya, dan pemangkin pembentukan minda bangsa, khususnya dalam era teknologi dan transformasi digital. Dasar Perbukuan Negara digubal bagi memperkukuh budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia serta memajukan industri perbukuan agar berdaya saing pada peringkat global. Dasar ini mencerminkan aspirasi nasional untuk melahirkan masyarakat yang berilmu, progresif, dan seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan 4 (SDG 4) ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara membaca.

Fokus Dasar Perbukuan Negara adalah untuk membangunkan ekosistem perbukuan yang menyeluruh, merentas rantaian nilai daripada penghasilan karya, penerbitan bercetak dan digital, pengedaran hinggalah pembacaan oleh masyarakat. Melalui penjenamaan semula dasar ini, sembilan gagasan utama telah diketengahkan, termasuklah pengukuhan budaya membaca, penghasilan bahan bacaan digital, literasi undang-undang dan hak cipta, pemerkasaan penterjemahan profesional serta penubuhan Pusat Sehenti Perbukuan Negara sebagai hab strategik. Dasar Perbukuan Negara turut memberikan penekanan terhadap pembangunan bakat kreatif, perlindungan hak cipta, penerbitan berkualiti yang beridentiti nasional dan ekosistem perbukuan yang inklusif serta mesra orang kurang upaya.

Melangkah ke hadapan, saya menyeru semua pemegang taruh untuk menjayakan Dasar Perbukuan Negara sebagai satu gerakan nasional bagi membina budaya membaca dan berfikir. Dengan usaha bersepadu, Malaysia berpotensi untuk muncul sebagai pusat kecemerlangan ilmu dan hab perbukuan serantau dalam tempoh 10 tahun yang akan datang, sekali gus mengangkat karya serta pengkarya tempatan ke persada antarabangsa.

Malaysia Membaca, Industri Diperkasa!

Datuk Seri Fadhlina Sidek
Menteri Pendidikan

KATA ALU-ALUAN



ALHAMDULILLAH, Dasar Perbukuan Negara berjaya disediakan sebagai dokumen dasar yang menjadi panduan strategik kepada pembangunan ekosistem perbukuan negara. Penyediaan dasar ini mencerminkan iltizam kerajaan melalui Kementerian Pendidikan untuk memperkukuh pembangunan ilmu sebagai asas kepada pembinaan masyarakat yang berpengetahuan, berbudaya tinggi, dan berdaya saing.

Kementerian Pendidikan yakin bahawa Dasar Perbukuan Negara akan menjadi pemacu utama kepada usaha memperkukuh budaya membaca, memperkasakan industri perbukuan serta meningkatkan penghasilan karya yang berkualiti dan berimpak tinggi. Melalui pelaksanaan dasar ini, ekosistem perbukuan negara akan terus diperkasakan agar lebih inovatif, inklusif, dan berdaya saing, sekali gus menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang berilmu, berfikiran kritis, dan berbudaya membaca. Hasrat ini selaras dengan aspirasi Malaysia yang menekankan pembangunan insan, pemerkasaan ilmu, pengukuhan nilai serta kesejahteraan rakyat sebagai tunjang kepada kemajuan negara yang mampan dan berdaya tahan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua kementerian yang terlibat, agensi, badan profesional, persatuan industri, institusi pengajian tinggi, pakar, akademia, dan pihak berkepentingan yang telah menyumbangkan idea, kepakaran serta pandangan sepanjang proses penggubalannya. Komitmen dan kesepakatan yang dizahirkan membuktikan bahawa pembangunan

perbukuan merupakan agenda nasional yang dikongsi bersama demi kepentingan negara.

Akhir kata, saya berharap agar Dasar Perbukuan Negara menjadi pemacu kepada usaha memperkukuh ekosistem perbukuan negara dan membudayakan ilmu sebagai teras pembangunan negara. Semoga dasar ini menjadi pemangkin kepada lahirnya generasi yang cinta akan ilmu, tinggi daya fikir, berfikiran kritis, dan berdaya cipta, sekali gus memperkukuh pembinaan negara bangsa yang maju, bersatu padu, dan sejahtera. Sesungguhnya, masa hadapan Malaysia akan terus diperkasakan oleh rakyat yang menjadikan ilmu sebagai asas kehidupan, pembacaan sebagai budaya, dan pendidikan sebagai wahana kemajuan negara.

Sekian, terima kasih.

Dato' Wan Hashim bin Wan Rahim
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan

PRAKATA

ALHAMDULILLAHIRABBIL'ALAMIN, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, Dasar Perbukuan Negara berjaya diterbitkan sebagai dokumen dasar yang menjadi hala tuju strategik kepada pembangunan ekosistem perbukuan negara. Penggubalan dasar ini mencerminkan iltizam kerajaan untuk memperkukuh budaya membaca, memartabatkan buku sebagai wahana pembinaan ilmu dan jati diri bangsa serta memperkasakan industri perbukuan sebagai satu daripada pemacu pembangunan modal insan dan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Landskap perbukuan dunia sedang mengalami perubahan yang sangat pesat. Revolusi digital, perkembangan kecerdasan buatan, transformasi industri kreatif, perubahan corak pembelajaran dan ledakan ekonomi digital telah mengubah keseluruhan rantaian nilai industri perbukuan. Oleh itu, Dasar Perbukuan Negara hadir sebagai dasar yang progresif, responsif dan berpandangan jauh bagi memastikan ekosistem perbukuan negara terus relevan, berdaya tahan dan mampu bersaing pada peringkat serantau serta antarabangsa.

Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) sebagai badan penyelaras pembangunan perbukuan negara, menggalas amanah yang besar untuk memastikan aspirasi dasar ini diterjemahkan kepada tindakan yang tersusun, bersepadu dan berimpak tinggi. Keanggotaan MBKM yang menghimpunkan kementerian, agensi kerajaan, badan berkanun, institusi pendidikan, persatuan industri dan pemegang taruh mencerminkan bahawa pembangunan perbukuan merupakan agenda nasional yang memerlukan komitmen serta tanggungjawab bersama. Melalui Urus Setia Tetap MBKM, pelaksanaan Dasar Perbukuan Negara akan diselaraskan, dipantau dan dinilai secara sistematik bagi memastikan setiap strategi dan prakarsa yang dirancang mencapai hasil yang dihasratkan.

Bagi merealisasikan matlamat tersebut, Dasar Perbukuan Negara digerakkan melalui sembilan gagasan strategik yang saling melengkapi, dengan pelaksanaannya diterajui oleh kementerian dan agensi dalam keanggotaan MBKM berdasarkan bidang kuasa, kepakaran serta fungsi masing-masing. Kejayaan pelaksanaan DPN memerlukan komitmen dan kerjasama strategik merentas kementerian, agensi

kerajaan, pemain industri perbukuan, pertubuhan bukan kerajaan serta pemegang taruh berkaitan bagi memastikan setiap gagasan dapat diterjemahkan kepada tindakan yang bersepadu, berkesan dan berimpak tinggi demi memperkukuh ekosistem perbukuan negara secara menyeluruh dan mampan.

Sebagai badan penyelaras nasional, MBKM tidak hanya berperanan untuk menyelaraskan pelaksanaan dasar, malah akan memperkukuh tadbir urus melalui mekanisme pemantauan, penilaian dan pelaporan yang sistematik. Urus Setia Tetap MBKM akan memantau pencapaian setiap gagasan berdasarkan indikator prestasi utama, menyelaraskan pelaksanaan inisiatif merentas kementerian dan agensi, menilai keberkesanan program serta mengemukakan syor penambahbaikan secara berterusan agar dasar ini sentiasa responsif terhadap perubahan persekitaran. Pendekatan berasaskan data, bukti dan impak akan menjadi asas kepada setiap keputusan bagi memastikan Dasar Perbukuan Negara terus relevan, berkesan dan memberikan manfaat yang nyata kepada rakyat, industri dan negara.

Sesungguhnya, kejayaan Dasar Perbukuan Negara tidak terletak pada kekuatan dokumen ini semata-mata, tetapi bergantung pada kesungguhan semua pihak dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan. Tiada satu kementerian, agensi atau organisasi yang mampu merealisasikan aspirasi ini secara bersendirian. Sebaliknya, kejayaan dasar ini bergantung pada sinergi yang kukuh antara kerajaan, sektor swasta, badan berkanun, institusi pendidikan, persatuan industri, pertubuhan bukan kerajaan, pemain industri kreatif, penulis, penerbit, penterjemah, pencetak, pengedar buku serta seluruh rakyat Malaysia. Hanya melalui semangat kolaborasi, perkongsian kepakaran dan tanggungjawab bersama, kita mampu membina sebuah ekosistem perbukuan yang dinamik, inovatif, inklusif dan mampan.

Bagi pihak MBKM, kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua kementerian, agensi, institusi, badan profesional, persatuan industri, akademia, rakan strategik dan individu yang telah menyumbangkan idea, kepakaran serta komitmen sepanjang proses penggubalan Dasar Perbukuan Negara. Kesepakatan yang dizahirkan membuktikan bahawa pembangunan perbukuan merupakan agenda nasional yang dikongsi bersama demi masa hadapan negara.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama menjadikan Dasar Perbukuan Negara sebagai satu gerakan nasional yang menyatukan seluruh ekosistem perbukuan ke arah memperkasakan budaya membaca, memperkukuh industri perbukuan dan membina masyarakat berilmu

yang menjadikan pembacaan sebagai budaya hidup. Kami yakin bahawa dengan kepimpinan yang jelas, tadbir urus yang cekap, pelaksanaan yang berfokus serta komitmen yang padu daripada semua pihak, Dasar Perbukuan Negara akan mencapai matlamatnya dan menjadi pemangkin kepada lahirnya generasi yang berilmu, berfikiran kritis, kreatif serta mampu bersaing di pentas dunia. Semoga segala usaha ini berupaya untuk meletakkan Malaysia sebagai negara membaca dan hab perbukuan serantau, sekali gus menyumbang kepada kemajuan negara yang mampan, inklusif dan sejahtera.

Malaysia Membaca, Industri Diperkasa.

Urus Setia Tetap
Majlis Buku Kebangsaan Malaysia

1
PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG MAJLIS BUKU KEBANGSAAN MALAYSIA

MAJLIS BUKU KEBANGSAAN MALAYSIA (MBKM) atau sebelum ini dikenali sebagai Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan (MKBK) ditubuhkan pada tahun 1968 dengan matlamat untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia, di samping menggalakkan pembangunan dan penggunaan buku di negara ini.

Penubuhan MBKM dengan urus setianya yang ditempatkan di bawah Bahagian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada tahun 1981 merupakan pemangkin kepada kemajuan industri buku. Penubuhan majlis ini juga berdasarkan perakuan Pertubuhan Pelajaran, Sains, dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) yang menyarankan penubuhan sebuah badan khas yang bertanggungjawab untuk mengembangkan minat membaca dan memajukan perusahaan buku dalam kalangan negara membangun.

Pada tahun 1997, Mesyuarat Pengurusan KPM Bil. 19/1997 telah mengambil ketetapan dan bersetuju menubuhkan Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia yang berfungsi sebagai sebuah unit di KPM dan kemudiannya sebagai satu bahagian pada tahun 2005. Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia bertanggungjawab mengurus pengoperasian MBKM. Melalui penstrukturan semula kementerian pada tahun 2019, Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia telah diletakkan di bawah Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) sebagai sebuah sektor.

Walau bagaimanapun, pada 6 Disember 2019, Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan penstrukturan semula MBKM dan Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia supaya peranannya diperkasakan secara lebih menyeluruh untuk memacu hala tuju strategik industri perbukuan negara. Menerusi penstrukturan ini, MBKM dikawal selia oleh Menteri Pendidikan termasuklah peralihan pelaporan Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia secara terus kepada Menteri Pendidikan. Sesuai dengan perubahan ini, sebanyak 31 orang ahli yang terdiri daripada Menteri Pendidikan sebagai Pengerusi MBKM, Pengarah Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia selaku Setiausaha, 12 orang Ketua Setiausaha

Kementerian, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM), seorang Ketua Pengarah agensi kerajaan, tiga orang Ketua Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif daripada badan berkanun, dua orang Pengarah wakil KPM, tujuh orang Pengerusi/Presiden persatuan industri, dan tiga orang ahli individu (yang dikenal pasti dan dilantik oleh Menteri Pendidikan) yang diberi peranan untuk membantu menjayakan visi dan misi MBKM. Bendahari dilantik daripada mana-mana Pengerusi/ Presiden persatuan industri perbukuan.

Mesyuarat Anggota Majlis Buku Kebangsaan Malaysia Bil. 1/2020 pada 25 November 2020 juga bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Kewangan dan Aktiviti (JKA) MBKM yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPM bagi mengawal selia semua perancangan dan aktiviti MBKM. JKA telah bermesyuarat buat kali pertama pada 22 Januari 2021 dan memutuskan penubuhan tiga jawatankuasa kecil seperti yang berikut:

i. Jawatankuasa Kecil Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur dan Tugas-tugas Khas (JKPBAKLTK) yang dipengerusikan oleh Pengarah, Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia;

ii. Jawatankuasa Kecil Penyelidikan dan Hak Cipta Perbukuan (JKPHC) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM); dan

iii. Jawatankuasa Kecil Promosi dan Pengantarabangsaan Karya Malaysia (JKPPKM) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Dasar Buku Negara (DBN) ialah dasar yang dijadikan panduan dan hala tuju oleh MBKM untuk memperkukuh budaya membaca dan memperkasakan industri perbukuan. MBKM mendukung Laporan Kajian Semula Dasar Buku Negara yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 9 November 1988. Dasar ini digubal berdasarkan Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, dan Dasar Bahasa Kebangsaan. Tujuan DBN bukan sekadar membudayakan pembacaan dalam kalangan masyarakat malahan memperkaya dan mengharmonikan kehidupan masyarakat pelbagai bangsa dan budaya menerusi pelbagai aktiviti dan pembangunan industri perbukuan yang dilaksanakan.

Untuk mencapai matlamat penubuhannya, MBKM telah menetapkan matlamat, visi, dan misinya seperti yang berikut ini.

Matlamat
Mewujudkan masyarakat Malaysia yang membaca dan bermaklumat selaras dengan pembangunan perbukuan negara.

Visi
Melahirkan masyarakat Malaysia yang berilmu melalui bahan bacaan yang berkualiti dan memberikan impak positif kepada negara.

Misi
Memperkukuh budaya membaca masyarakat Malaysia dan memperkasakan industri perbukuan negara.

1.2 PERANAN MAJLIS BUKU KEBANGSAAN MALAYSIA

MBKM memainkan peranan strategik untuk memperkukuh budaya membaca dan memperkasakan industri perbukuan negara. Peranan ini dilaksanakan menerusi 13 fungsinya, seperti yang dihuraikan ini.

Fungsi 1 – Menjadi Penasihat Kerajaan
Menjadi penasihat kerajaan dalam perkara dasar dan peraturan industri buku, khususnya penerbitan bercetak dan penerbitan digital dalam bahasa Melayu.

Fungsi 2 – Memupuk Minat Membaca
Menjalankan usaha memupuk dan menggalakkan minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia seperti yang termaktub dalam DBN serta pembinaan modal insan.

Fungsi 3 – Menggalakkan Pembentukan Norma dan Kod Etika
Menggalakkan pembentukan norma dan kod etika industri buku untuk meningkatkan profesionalisme serta persaingan yang sihat dan adil dengan mengadakan institusi dan peraturan kawalan kendiri untuk industri buku.

Fungsi 4 – Memberikan Bimbingan Profesional
Menjalankan kegiatan bimbingan ke arah meningkatkan profesionalisme dalam bidang kepengarangan, penerbitan, pengeluaran, dan pemasaran buku bercetak dan digital.

Fungsi 5 – Melaksanakan Kajian dan Penyelidikan
Menjalankan kajian dan penyelidikan tentang pelbagai aspek penerbitan dan pembangunan industri buku.

Fungsi 6 – Menjadi Pusat Maklumat

Menjadi pusat maklumat industri buku dengan menubuhkan pangkalan data digital dan portal laman sesawang industri buku.

Fungsi 7 – Membantu Penerbitan

Membantu penerbitan buku-buku yang dianggap tiada daya maju dari segi komersial tetapi penting untuk pembangunan ilmu pengetahuan.

Fungsi 8 – Memudahkan Perundingan

Memudahkan perundingan antara kerajaan dengan pihak yang berkaitan dengan industri buku dan menjadi forum kepada mana-mana pihak yang berkepentingan dalam industri buku.

Fungsi 9 – Pusat Pendaftaran

Menubuhkan pusat pendaftaran penerbit dan pusat pendaftaran hak cipta.

Fungsi 10 – Menggalakkan Promosi Kebangsaan dan Antarabangsa

Menggalakkan penyertaan industri buku negara dalam kegiatan pembangunan dan promosi buku pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa termasuk yang berkaitan dengan urus niaga hak cipta, khususnya di Pesta Buku Antarabangsa.

Fungsi 11 – Menjalin Kerjasama dengan Industri Perbukuan

Bekerjasama dengan pemain industri dalam usaha memperbanyak penerbitan bahan bercetak dan digital untuk kegunaan pendidikan dan pengembangan ilmu pengetahuan.

Fungsi 12 – Memperkasakan Perkembangan Industri Perbukuan

Memperkasakan perkembangan industri buku di Malaysia melalui program dan aktiviti pemasaran dan aktiviti lain yang dirancang termasuklah pelaksanaan pesta buku.

Fungsi 13 – Menggalakkan Penghasilan Kandungan dan Aplikasi Digital

Menggalakkan pembangunan dan penghasilan kandungan dan aplikasi digital selaras dengan Revolusi Perindustrian 4.0.

1.3 KEANGGOTAAN MAJLIS BUKU KEBANGSAAN MALAYSIA

Anggota MBKM yang dilantik oleh Menteri Pendidikan bagi tempoh dua tahun adalah seperti yang berikut ini.



i. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
ii. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi
iii. Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan
iv. Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri
v. Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi
vi. Ketua Setiausaha Kementerian Digital
vii. Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
viii. Ketua Setiausaha Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
ix. Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
x. Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
xi. Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara
xii. Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi

Ketua-ketua Pengarah

i. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
ii. Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia

Ketua Pengarah Badan Berkanun/Ketua Pegawai Eksekutif (Syarikat Berkaitan Kerajaan)

i. Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

ii. Ketua Pegawai Eksekutif Institut Terjemahan & Buku Malaysia

iii. Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kota Buku

Dua Orang Wakil daripada Kementerian Pendidikan

i. Pengarah Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan

ii. Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

Pengerusi/Presiden daripada Persatuan Industri Perbukuan

i. Pengerusi Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

ii. Presiden Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)

iii. Presiden Persatuan Pengeksport dan Pengimport Buku Malaysia (MBEIA)

iv. Presiden Persatuan Penjual Buku Malaysia (MBA)

v. Presiden Persatuan Industri Buku Bumiputera Malaysia (PIBM)

vi. Presiden Persatuan Kontraktor Buku Malaysia (PKBM)

vii. Presiden Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPMM)

Ahli-ahli Individu

Menteri Pendidikan berhak melantik ahli dalam kalangan individu mengikut budi bicaranya tidak lebih daripada tiga orang individu yang difikirkan boleh memberikan bantuan atau sumbangan, setelah mendapat pandangan daripada majlis untuk berkhidmat sebagai ahli dalam majlis ini.

Sekretariat

i. Ketua Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia

ii. Ketua Penolong Pengarah Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia

iii. Tiga orang Penolong Pengarah Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia

Penstrukturan semula Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) telah berkuat kuasa mulai 30 Mac 2026. Urus Setia Tetap MBKM diletakkan secara langsung di bawah penyeliaan Ketua Setiausaha (KSU) KPM dan tidak lagi berada di bawah pentadbiran Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP). Sehubungan itu, aliran pelaporan kerja MBKM perlu melalui KSU sebelum dikemukakan kepada Menteri Pendidikan.

2
DASAR PERBUKUAN

2.1 EVOLUSI DASAR PERBUKUAN

DASAR BUKU NEGARA (DBN) 1985 telah digubal oleh MBKM sebagai dasar untuk menetapkan prinsip-prinsip asas pembangunan industri perbukuan negara serta strategi dan pelan tindakan yang perlu dilaksanakan oleh agensi kerajaan, pemain industri, penulis, dan pembaca. DBN telah diluluskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 November 1985.

Dasar ini juga menjurus dan memacu segala kegiatan industri perbukuan agar lebih produktif dan berupaya serta selari dengan arus perkembangan teknologi dan melonjakkan ekonomi negara supaya setanding dengan industri lain. Pada 3 September 2004, Seminar Penilaian Semula Dasar Buku Negara telah diadakan oleh sebuah jawatankuasa, dan dapatan kajian tersebut menjelaskan bahawa skop DBN sedia ada telah lengkap, namun tidak jelas dan tidak mengandungi pernyataan dasar yang sebenarnya.

Penambahbaikan DBN yang dijenamakan semula sebagai Dasar Perbukuan Negara (DPN) dilaksanakan untuk menyokong hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara membaca selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan 4 (*Sustainable Development Goals* atau SDG 4). Hal ini bertujuan untuk membentuk masyarakat berilmu bertaraf dunia dan menggalakkan amalan membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia. Faktor revolusi perindustrian serta teknologi maklumat dan komunikasi yang telah jauh mengubah kaedah penyampaian ilmu dan maklumat pada abad ke-21 juga merupakan faktor penting dalam penambahbaikan dasar ini. Penambahbaikan dasar kini mengambil kira transformasi digital, keperluan ekosistem perbukuan yang mampan, serta pembangunan modal insan dalam era ekonomi berasaskan pengetahuan.

DPN sewajarnya lebih berupaya memberikan banyak ruang dan peluang kepada semua pihak berkepentingan dan badan profesional yang berkait rapat dengan buku untuk mencetuskan lebih banyak idea, kreativiti, dan inovasi dalam industri perbukuan negara. Kerajaan serta pemain industri perlu menggembleng tenaga dan idea untuk menjadikan industri buku negara berdaya saing dan berdaya cipta demi memenuhi keperluan pembaca, khususnya dalam era digital.

2.2 MATLAMAT

MBKM memainkan peranan strategik untuk memperkukuh budaya membaca dan memperkasakan industri perbukuan negara. Peranan ini dilaksanakan menerusi 13 fungsinya.

2.3 OBJEKTIF

i. Mengukuhkan budaya membaca sepanjang hayat dalam kalangan masyarakat.

ii. Memastikan akses yang saksama dan inklusif kepada bahan bacaan bermutu.

iii. Mengukuhkan kualiti dan kepelbagaian kandungan tempatan melalui penerokaan pelbagai bidang ilmu serta penghasilan bahan bacaan berkualiti.

iv. Memperkasakan profesionalisme, kompetensi, dan kelestarian pemain industri perbukuan.

v. Memacu transformasi digital dan inovasi dalam ekosistem perbukuan.

vi. Meningkatkan daya saing industri perbukuan Malaysia di peringkat global.

vii. Mengukuhkan tadbir urus serta kerjasama strategik merentas sektor.

2.4 PRINSIP UTAMA

Demi memastikan objektif DPN dapat direalisasikan, semua pihak yang terlibat dalam industri ini perlu berpegang pada lapan prinsip utama seperti yang berikut:

i. **Holistik** bermaksud mempersiapkan generasi Malaysia dengan pelbagai disiplin ilmu secara menyeluruh dalam usaha memperkukuh ketamadunan negara.

ii. **Nilai** bermaksud keupayaan masyarakat Malaysia untuk mengakses, memahami, dan memanfaatkan sumber bacaan secara berterusan sebagai asas pembinaan jati diri, pengukuhan nilai, serta pemangkin pembangunan negara yang berteraskan kemampanan, kesejahteraan, ihsan, daya cipta, hormat, dan keyakinan.

iii. **Tekal** bermaksud membina dan mengetengahkan bakat serta meningkatkan kepakaran dan kreativiti dalam industri perbukuan dengan sokongan dan prakarsa kerajaan secara konsisten.

iv. **Demokratik** bermaksud meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap karya tempatan yang bermutu dan meluaskan karya tersebut ke pasaran tempatan dan antarabangsa bagi membina masyarakat yang progresif.

v. **Inklusif** bermaksud memanfaatkan industri perbukuan untuk menjanakan ekonomi negara secara menyeluruh dan saksama dengan melibatkan semua pihak berkepentingan merentas rantaian nilai industri perbukuan bagi menjanakan peluang ekonomi dan pekerjaan, memastikan akses adil kepada bahan bacaan berkualiti, serta melindungi harta intelek dan hak pemain industri secara mampan.

vi. **Dinamik** bermaksud keupayaan karya tempatan berdaya saing pada peringkat antarabangsa bagi meningkatkan pembudayaan ilmu dan mempromosikan negara.

vii. **Keberdayaan digital** bermaksud mengiktiraf peranan teknologi digital sebagai pemangkin transformasi industri perbukuan yang inklusif dan responsif terhadap perubahan zaman.

viii. **Kelestarian dan tanggungjawab sosial** bermaksud menekankan pematuhan kepada amalan Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (*Environmental, Social, and Governance* atau ESG) dalam penghasilan penerbitan dan pengedaran bahan bacaan, serta tanggungjawab terhadap alam sekitar dan masyarakat.

3
LANDSKAP PERBUKUAN

3.1 PERSEKITARAN DAN TINJAUAN PERBUKUAN GLOBAL

INTERNATIONAL PUBLISHERS ASSOCIATION (IPA) dan World Intellectual Property Organization (WIPO) telah menghasilkan kajian tentang "*The Global Publishing Industry 2022*". Berdasarkan 24 negara yang terlibat dalam kajian tersebut, lima negara yang tertinggi dalam penerbitan buku ialah Turkiye (206,674 judul), United Kingdom (153,000 judul), Brazil (146,575 judul), Itali (121,127 judul), dan Perancis (111,503 judul).

Hasil dapatan kajian oleh Publishers and Booksellers Association of Thailand (PUBAT) menunjukkan jumlah penerbitan buku di rantau Asia Tenggara, iaitu di Indonesia ialah 107,800 judul, manakala di Thailand ialah 19,351 judul.

Data PNM dari tahun 2019 hingga tahun 2023 menunjukkan purata bahan terbitan di Malaysia ialah 24,320 judul setahun. Dalam tempoh lima tahun tersebut, sebanyak 121,600 judul bahan terbitan oleh penerbit di Malaysia direkodkan melalui pengeluaran Nombor Buku Piawaian Antarabangsa (*International Standard Book Number* atau ISBN) dan Nombor Bersiri Piawaian Antarabangsa (*International Standard Serial Number* atau ISSN) seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1 Statistik permohonan ISBN dan ISSN pada tahun 2019–2023.

Tahun	Jenis Permohonan	
	ISBN	ISSN
2019	22,416	501
2020	20,064	746
2021	25,213	812
2022	22,753	653
2023	27,972	470
Jumlah Keseluruhan	**118,418**	**3,182**

(*Sumber*: Perpustakaan Negara Malaysia)

Amalan terbaik untuk mengukur tanda aras negara maju adalah berdasarkan kadar penerbitan satu judul baharu bagi setiap 1,000 penduduk. Berdasarkan nisbah penduduk dan satu judul baharu, Turkiye mencatat 421:1, United Kingdom 445:1, Itali 492:1, dan Perancis 594:1. Semua negara ini telah melepasi penanda aras amalan tersebut seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.

JADUAL 2 Nisbah penduduk berdasarkan satu judul baharu yang diterbitkan mengikut negara.

Negara	Jumlah Penerbitan	Populasi Penduduk	Nisbah Penduduk/ Satu Judul Baharu
Turkiye	206,674	87,058,473	421:1
United Kingdom	153,000	68,179,315	445:1
Brazil	146,575	210,306,415	1,435:1
Itali	121,127	59,619,115	492:1
Perancis	111,503	66,277,409	594:1
Thailand	19,351	71,735,329	3,707:1
Indonesia	107,800	278,830,529	2,586:1
Malaysia	**22,753**	**34,695,493**	**1,524:1**

(*Sumber*: **Jumlah penerbitan**: *The Global Publishing Industry*, World Intellectual Property Organization, 2023; **Populasi penduduk**: *World Population Prospects: The 2024 Revision*, United Nations, Department of Economic and Social Affairs – Population Division.)

Di rantau Asia Tenggara, Malaysia mencatat nisbah 1,524:1. Berdasarkan nisbah tersebut, Malaysia dilihat berada pada kedudukan yang agak baik berbanding dengan Thailand yang mencatat nisbah 3,707:1 dan Indonesia 2,586:1. Hal ini memperlihatkan Malaysia telah berada pada landasan yang betul dan berpotensi untuk meningkatkan jumlah penerbitannya agar sejajar dengan pencapaian tahap penerbitan negara maju.

3.2 KAJIAN PROFIL MEMBACA RAKYAT MALAYSIA 2022/2023

Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 2022/2023 telah dilaksanakan oleh PNM dengan objektif seperti yang berikut:

i. Mewujudkan satu profil membaca rakyat Malaysia yang terkini.

ii. Mengenal pasti tabiat membaca rakyat Malaysia mengikut lokasi, jenis bahan bacaan, bahasa bahan bacaan, kumpulan umur, jantina, dan kekerapan membaca.

iii. Mengenal pasti perubahan minat dan trend membaca terkini rakyat Malaysia terhadap sumber bahan bacaan dan perkhidmatan perpustakaan yang disediakan.

iv. Mengkaji impak Program Galakan Membaca dalam mempengaruhi minat membaca rakyat Malaysia.

v. Mengenal pasti isu, masalah, dan korelasi antara industri perbukuan dengan minat membaca rakyat Malaysia.

Kajian ini disertai oleh 100,848 responden yang berumur lima tahun dan ke atas daripada pelbagai latar belakang demografi. Kajian ini mengambil kira trend pembacaan masyarakat Malaysia yang meliputi kedua-dua medium, iaitu bercetak dan digital. Hasil kajian ini menunjukkan 88.6 peratus rakyat Malaysia suka membaca. Daripada jumlah tersebut, 69.2 peratus adalah dari kawasan bandar, manakala 30.8 peratus dari kawasan luar bandar. Jumlah judul yang dibaca oleh rakyat Malaysia ialah 24 judul setahun, iaitu 16 judul bercetak dan 8 judul digital. Tempoh membaca masyarakat Malaysia secara purata ialah 9 jam 20 minit seminggu.

4
CABARAN

4.1 CABARAN PERBUKUAN NEGARA

UNTUK mencapai hasrat ke arah memperkukuh budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia dan menyokong perkembangan industri perbukuan tanah air, terdapat sembilan cabaran yang perlu ditangani, iaitu:

i. kelahiran pembaca baharu;

ii. pembangunan kandungan;

iii. kesedaran tentang literasi undang-undang dan keupayaan mempertahankan hak cipta dalam era digital;

iv. penterjemahan profesional yang berimpak tinggi;

v. kesediaan pemain industri mengadaptasi perubahan pendigitalan;

vi. pewujudan pusat sehenti perbukuan negara;

vii. pengadaptasian model perniagaan baharu;

viii. kemampanan program rangsangan; dan

ix. cabaran akses inklusif kepada bahan bacaan untuk orang kurang upaya (OKU).

4.1.1 Kelahiran Pembaca Baharu

Pembaca baharu merupakan pemangkin keberdayaan dalam kelangsungan industri perbukuan. Dalam hal ini, pemusatan data sangat penting untuk memetakan pelan tindakan bagi melahirkan pembaca baharu. Namun begitu, keselerakan data memberikan kesan langsung kepada keberkesanan program untuk melahirkan golongan ini. Di Amerika Syarikat, pemusatan data menerusi sistem digital seperti www.statista.com berupaya memperlihatkan perkembangan industri secara keseluruhan. Pada masa yang sama, data raya tersebut dapat dimanfaatkan untuk menganalisis tingkah laku pembaca dan melaksanakan strategi penambahbaikan terhadap segala kekurangan yang berlaku dalam industri perbukuan.

Data berdasarkan Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 2022/2023 oleh PNM bagi amalan membaca mengikut kawasan menunjukkan

hanya 30.8 peratus pembaca adalah dalam kalangan masyarakat di luar bandar (Perpustakaan Negara Malaysia, 2023). Perkara ini merupakan cabaran yang harus ditangani untuk merapatkan jurang pembacaan antara masyarakat bandar dengan masyarakat luar bandar. Kesenjangan ini perlu didepani bagi melahirkan masyarakat yang celik pendidikan dan berbudaya tinggi.

Cabaran kelahiran pembaca baharu sangat terkait rapat dengan kadar literasi murid pada peringkat sekolah. KPM melaporkan bahawa sebanyak 122,062 orang murid tahun satu sesi persekolahan 2024/2025 perlu mengikuti Program Intervensi Literasi dan Numerasi bagi meningkatkan kemahiran membaca, menulis, dan mengira (3M) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2024). Langkah ini penting kerana golongan ini merupakan penyumbang kepada kelahiran pembaca baharu dalam tempoh abad yang mendatang untuk membawa kesinambungan dalam pembudayaan membaca. Selain itu, usaha yang berterusan dalam konteks pembudayaan membaca kanak-kanak juga harus bermula dari rumah melalui peranan ibu bapa demi memastikan usaha melahirkan pembaca baharu dapat digerakkan dari semasa ke semasa.

4.1.2 Pembangunan Kandungan

Peningkatan taraf sosioekonomi masyarakat telah membawa perubahan kepada gaya hidup masyarakat kini. Taraf pendidikan dan jumlah pendapatan boleh guna individu yang semakin meningkat saban tahun adalah antara faktor yang menjadikan mereka bersifat lebih memilih untuk menentukan bahan bacaan yang diminati oleh mereka. Oleh itu, penghasilan kandungan bahan bacaan yang bervariasi dengan kepelbagaian genre perlu beradaptasi dengan perkembangan pendidikan dan perubahan gaya hidup pada hari ini.

Dalam landskap dunia penerbitan pada hari ini, bahan penerbitan bercetak masih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Walaupun demikian, sejajar dengan perkembangan teknologi, penerbitan digital telah merubah gaya pembacaan masyarakat. Untuk memastikan kelangsungannya, industri penerbitan, pengkarya, penerbit, dan seluruh komponen pemain industri perbukuan perlu melaksanakan anjakan paradigma dan beradaptasi dalam mempelbagaikan pembinaan kandungan penerbitan termasuklah kandungan digital.

Akses kepada Internet berkelajuan tinggi dan kemudahan peranti digital merupakan prasyarat asas bagi memastikan masyarakat dapat

menikmati bahan bacaan digital tanpa sekatan. Jurang digital yang masih wujud di kawasan luar bandar dan pedalaman perlu ditangani. Tanpa infrastruktur yang kukuh, usaha pembangunan kandungan digital berkualiti akan terus terbatas dan tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh seluruh lapisan masyarakat.

Seiring dengan usaha melahirkan generasi Malaysia yang manusiawi, kandungan bahan perlu bersifat inklusif yang turut merangkumi murid berkeperluan khas dan OKU. Biarpun ekonomi penerbitan menitikberatkan aspek komersial, kos penerbitan, dan keuntungan, obligasi sosial perlu dititikberatkan demi menyantuni golongan pembaca ini. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), jumlah kumulatif OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah meningkat daripada 674,548 orang (kira-kira 2.0 peratus daripada populasi Malaysia) pada tahun 2022 kepada 736,607 orang (sekitar 2.2 peratus) pada tahun 2023 (Department of Statistics Malaysia, 2022; Department of Statistics Malaysia, 2023).

4.1.3 Kesedaran tentang Literasi Undang-undang dan Keupayaan Mempertahankan Hak Cipta dalam Era Digital

Perubahan landskap perbukuan global yang didasari oleh perubahan teknologi, menuntut kesedaran pemain industri dan pembuat dasar tentang undang-undang hak cipta dengan lebih mendalam.

Akta Hak Cipta 1987 perlu dikemaskinikan untuk menangani secara jelas penggunaan karya berhak cipta untuk latihan, pembangunan, dan operasi model kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence* atau AI). Rangka kerja undang-undang sedia ada yang direka untuk keaslian karya manusia, tidak mampu untuk melindungi pencipta dan penerbit daripada pengambilan dan penghasilan semula kandungan mereka secara tidak sah.

Kerangka perundangan baharu yang memperkasakan Organisasi Pengurusan Kolektif (*Collective Management Organization* atau CMO), penggunaan kaedah pelesenan pukal dengan pampasan yang adil, perlu diperkukuh untuk memupuk ekosistem AI yang bertanggungjawab bagi menggalakkan inovasi dan pertumbuhan industri perbukuan.

Perkembangan pesat industri e-dagang negara memberikan impak positif kepada penjualan buku. Dalam masa yang sama, perkara ini juga menjadi cabaran baharu dengan lambakan jualan buku cetak rompak. Aktiviti cetak rompak pada asalnya yang bersifat lokal, telah meluas ke peringkat nasional dan merentas sempadan menerusi platform e-dagang. Pemilik platform perlu meningkatkan usaha pematuhan

hak cipta (*IP compliance*) dan anticetak rompak (*anti-piracy*) dalam platform mereka untuk menangani penjual bahan cetak rompak.

Pada masa yang sama, industri buku masih berhadapan dengan masalah cetak rompak minor yang berlaku dengan meluas dalam masyarakat. Cetak rompak minor yang berlaku dengan meluas ini dianggap ringan oleh masyarakat umum, tetapi memberikan kesan yang besar kepada pengkarya dan penerbit.

4.1.4 Penterjemahan Profesional yang Berimpak Tinggi

Pemerkasaan badan berautonomi tinggi amat diperlukan untuk memainkan peranan strategik dalam memperkukuh profesion penterjemah sebagai elemen penting dalam pemerkasaan ilmu, diplomasi, perdagangan, dan budaya negara. Melalui latihan berstandard tinggi, pentauliahan profesional dan pematuhan kepada piawaian kualiti, pusat ini memastikan penterjemah tempatan mampu menghasilkan terjemahan yang tepat, sahih, dan bersesuaian dengan konteks budaya sasaran.

Keperluan terhadap penterjemahan berimpak tinggi semakin mendesak dalam usaha mengarusperdanakan kandungan dasar, ilmiah, dan kesusasteraan Malaysia ke peringkat antarabangsa. Namun begitu, usaha ini berhadapan dengan cabaran seperti kos terjemahan yang tinggi, tempoh masa terjemahan yang panjang, keperluan adaptasi kandungan secara teliti, serta kekurangan penterjemah berkemahiran dalam bidang khusus. Tambahan pula, usaha mendapatkan pengiktirafan rasmi pada peringkat nasional dan antarabangsa merupakan cabaran yang besar memandangkan bidang penterjemahan masih kurang difahami secara mendalam oleh sebahagian pihak pembuat dasar dan komuniti profesional lain. Hal ini menunjukkan bahawa usaha standardisasi dan pemartabatan profesion ini masih memerlukan sokongan dasar yang lebih kukuh.

Walaupun kemajuan teknologi AI mempercepat proses penterjemahan, namun teknologi ini belum mampu menggantikan kepakaran manusia untuk memahami nuansa bahasa dan sensitiviti budaya secara mendalam. Oleh itu, pusat penterjemahan negara perlu berperanan sebagai pemangkin integrasi antara teknologi dengan kepakaran manusia bagi memastikan kualiti terjemahan terpelihara. Pendekatan hibrid ini bukan sahaja meningkatkan produktiviti dan kecekapan, malah mengekalkan tahap profesionalisme dan kebolehpercayaan hasil terjemahan rasmi negara. Dalam konteks ini, pusat penterjemahan yang berwibawa dan diiktiraf telah wujud sebagai landasan utama untuk memperkukuh ekosistem ilmu serta kandungan tempatan, di samping memperluas jaringan kerjasama antarabangsa

dan mengangkat citra bahasa serta budaya Malaysia di persada global. Walau bagaimanapun, pusat ini wajar terus diperkukuh agar peranannya dapat dilaksanakan secara lebih strategik dan berkesan.

Untuk mendepani cabaran ekonomi global dan ketidaktentuan geopolitik semasa, Malaysia harus mengangkat industri terjemahan sebagai aset strategik negara untuk memperkukuh kedudukannya sebagai kuasa lunak perbukuan dunia.

4.1.5 Kesediaan Pemain Industri Mengadaptasi Perubahan Pendigitalan

Dunia perbukuan global kini bergerak ke arah teknologi hijau dan pendigitalan untuk mencapai pelaksanaan ESG dan SDG. Menurut data rasmi yang diterbitkan oleh Department of Statistics Malaysia (DOSM) dan dilaporkan oleh SME Corporation Malaysia, Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana (PMKS) menyumbang 96.1 peratus daripada jumlah keseluruhan perusahaan perniagaan di Malaysia pada tahun 2024 (SME Corporation Malaysia, 2025).

Bagi menyokong pembangunan industri berteraskan teknologi hijau, pemain industri tempatan perlu didedahkan kepada pemanfaatan teknologi hijau termasuklah pertimbangan untuk mengurangkan penggunaan kertas putih yang dihasilkan daripada pulpa pokok, pengurangan dakwat cetak, dan peralihan kepada penerbitan digital. Pemain industri perlu didorong untuk mengoptimumkan penggunaan kertas kitar semula sebagai alternatif kepada kertas putih. Untuk mengurangkan pencetakan bahan terbitan, pemain industri perbukuan perlu memanfaatkan teknologi dalam penerbitan termasuklah menerbitkan buku digital.

Oleh itu, perubahan pendigitalan menuntut setiap pihak dalam ekosistem industri perbukuan meningkatkan kecekapan modal insan masing-masing. Perkara ini memerlukan modal yang besar lantaran proses peningkatan kemahiran digital ini memerlukan kos yang tinggi. Selain itu, kemampuan PMKS dalam pelaburan digital juga amat terhad disebabkan oleh kekangan kewangan dan modal insan.

Prakarsa yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti melalui Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Kementerian Komunikasi dan Kementerian Digital diakui banyak membantu PMKS dan pemain industri melonjakkan keterlibatan mereka dalam pendigitalan ini. Namun begitu, prakarsa ini perlu bersifat inklusif yang turut melibatkan pemain industri di luar bandar.

4.1.6 Pewujudan Pusat Sehenti Perbukuan Negara

Ketiadaan hab fizikal dan digital nasional yang menyatukan ekosistem perbukuan daripada penciptaan kandungan, pemerkasaan industri, perdagangan hak cipta hingga diplomasi budaya menghalang Malaysia daripada menjadi peneraju ekonomi buku di rantau ini. Malaysia masih belum memiliki pusat sehenti perbukuan nasional yang mampu mengkoordinasi seluruh rantaian nilai industri perbukuan secara menyeluruh dan strategik. Ketiadaan pusat sehenti seperti ini mengekang potensi negara untuk meningkatkan pembangunan ekonomi perbukuan.

Pusat sehenti perbukuan negara ini berpotensi menjadi nadi transformasi industri sebagai hab kandungan digital, inkubator AI bagi PMKS buku, pusat dagangan hak cipta, serta pentas diplomasi budaya dan keilmuan Malaysia. Menurut laporan industri, pasaran penerbitan buku global dianggarkan bernilai antara USD136 bilion hingga USD152 bilion setahun (IBISWorld, 2024; Grand View Research, t.t.; Spherical Insights & Consulting, 2025) manakala data daripada CISAC (2023) menunjukkan kutipan royalti karya kreatif global mencecah €13.1 bilion pada tahun 2023. Tanpa hab strategik nasional, Malaysia berisiko terus terpinggir daripada arus utama perdagangan kandungan global. Peluang ini perlu ditangani dengan segera agar negara tidak sekadar menjadi pengguna, tetapi pencipta dan pengeksport kandungan bertaraf antarabangsa berasaskan digitalisasi.

Pewujudan pusat perbukuan negara ini akan menyokong pelaksanaan gagasan dasar perbukuan secara terpusat dan berimpak tinggi daripada pembudayaan membaca, pendigitalan, pembangunan profesionalisme, hingga pengeksportan karya tempatan ke peringkat antarabangsa. Hab Perbukuan Negara yang mapan dan bersepadu, dengan jaringan tempatan dan global berupaya menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi budaya Malaysia dan menjadikan buku sebagai aset strategik negara pada abad ke-21.

4.1.7 Pengadaptasian Model Perniagaan Baharu

Pasca-COVID-19 menyaksikan perubahan ketara dalam landskap ekonomi perbukuan global yang diterajui oleh teknologi maklumat dan komunikasi. Hal ini amat signifikan mempengaruhi perubahan struktur ekonomi perbukuan tempatan. Dengan perubahan ini, kita berhadapan dengan cabaran untuk beradaptasi dengan model perniagaan baharu yang mengubah cara tradisional kepada pendekatan moden berdasarkan digital. Sebagai contoh, hari ini saluran pengedaran buku

menggunakan platform digital untuk mengoptimumkan penjualan buku agar diterima secara terus oleh pembeli atau pembaca dengan kos efektif berbanding dengan cara tradisional yang menggunakan kos yang tinggi, tenaga manusia yang banyak, dan ruang yang luas.

Proses penerbitan kini telah berubah mengikut peredaran zaman dan menuntut kecerdasan pelbagai daripada semua pihak yang terlibat dalam kalangan pemain industri. Peranan mereka bukan sahaja terbatas pada penyediaan dan penyuntingan bahan, tetapi turut meliputi pelibatan aktif dalam aspek promosi dan pemasaran kandungan, yang seterusnya berperanan penting untuk memperkukuh ekonomi perbukuan negara. Oleh itu, kaedah kerja yang baharu perlu diteroka dan dimanfaatkan oleh pemain industri bagi memastikan industri ini dapat mendepani cabaran zaman dan terus lestari.

4.1.8 Kemampanan Program Rangsangan

Usaha memberdayakan pemain industri perbukuan melalui pelbagai rangsangan seperti pemberian dana dan insentif, hadiah, serta pengiktirafan perlu dilaksanakan secara berstruktur, terarah, dan tekal bagi memastikan setiap pihak dalam industri ini merasai kerancakan perkembangan dan pertumbuhannya.

Selain itu, peningkatan profesionalisme dalam setiap lapisan pemain industri perbukuan amat signifikan untuk ditindak susul melalui pelbagai program bagi memastikan industri ini berada pada standard yang mendapat pengiktirafan tempatan, serantau, dan antarabangsa.

4.1.9 Cabaran Akses Inklusif kepada Bahan Bacaan untuk OKU

Dalam aspirasi negara untuk memperkukuh budaya membaca dan memperkasakan industri perbukuan, cabaran terbesar yang masih belum ditangani secara sistematik ialah jurang akses terhadap bahan bacaan dalam kalangan golongan OKU. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), jumlah kumulatif OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat(JKM) telah meningkat daripada 674,548 orang (kira-kira 2.0 peratus daripada populasi Malaysia) pada tahun 2022 kepada 736,607 orang (sekitar 2.2 peratus) pada tahun 2023 (Department of Statistics Malaysia, 2022; Department of Statistics Malaysia, 2023). Golongan ini masih kekurangan akses kepada bahan bacaan bercetak mahupun digital. Kekurangan bahan bacaan yang mesra OKU seperti dalam tulisan Braille, buku audio, teks boleh baca, visual tinggi kontras, dan teknologi bantu digital menjadikan golongan ini terpinggir daripada ekosistem ilmu dan budaya baca negara.

Kelemahan struktur ini bukan sahaja menafikan hak asasi mereka untuk membaca, tetapi juga melambatkan proses pendidikan, pekerjaan, dan pembangunan diri dalam kalangan OKU. Industri perbukuan negara masih beroperasi dalam kerangka arus perdana yang tidak mengambil kira kepelbagaian keperluan pembaca. Tidak terdapat dasar penerbitan inklusif yang mewajibkan kandungan mesra OKU, tiada insentif kepada penerbit untuk berinovasi dalam format bahan bantu OKU, dan lebih membimbangkan pelibatan OKU dalam mencipta kandungan juga amat terhad. Situasi ini mewujudkan ekosistem ilmu yang eksklusif.

Cabaran ini mesti ditangani dengan segera melalui dasar yang tegas, insentif yang strategik, dan infrastruktur yang tersusun. Penubuhan hab digital mesra OKU, pembangunan teknologi bantu dalam bahasa Melayu, insentif penerbitan inklusif, serta program latihan pembaca dan pencipta kandungan OKU mesti dijadikan agenda nasional. Perkara ini perlu diambil kira untuk memastikan slogan "Malaysia Membaca" benar-benar bermakna untuk semua lapisan masyarakat.

5
GAGASAN PELAKSANAAN

5.1 PERNYATAAN DASAR

DASAR PERBUKUAN NEGARA (DPN) memperkukuh nilai dan budaya membaca dalam kalangan masyarakat dan memperkasakan perkembangan industri perbukuan negara ke arah status negara maju, berimpak tinggi, serta berdaya saing sehingga peringkat global.

Pernyataan dasar ini diperkukuh dengan sembilan gagasan utama seperti yang digariskan berikut.

i. **Budaya Membaca**
Penguasaan dan pengukuhan budaya membaca dalam kalangan masyarakat selaras dengan aspirasi pembangunan negara bangsa.

ii. **Pendigitalan**
Penghasilan bahan bacaan digital untuk memenuhi keperluan generasi pembaca semasa.

iii. **Literasi Undang-undang dan Hak Cipta**
Peningkatan kesedaran tentang literasi undang-undang dan keupayaan mempertahankan hak cipta dalam era digital.

iv. **Penterjemahan Profesional**
Pemerkasaan badan berautonomi tinggi yang berperanan sebagai pusat kecemerlangan terjemahan, penyelidikan linguistik strategik, dan diplomasi budaya melalui penterjemahan rentas bahasa serantau dan antarabangsa.

v. **Pembangunan Profesionalisme**
Pemerkasaan pembangunan profesionalisme pemain industri.

vi. **Pusat Sehenti Perbukuan Negara**
Pemerkasaan pusat sehenti perbukuan sebagai hab strategik nasional dan serantau.

vii. **Ekonomi Perbukuan Baharu**

Penerokaan perbukuan baharu bersesuaian dengan perkembangan ekonomi perbukuan global.

viii. **Rangsangan**

Penyediaan rangsangan yang komprehensif bagi pertumbuhan industri perbukuan yang mampan.

ix. **Ekosistem Perbukuan Inklusif**

Pembangunan dasar dan ekosistem perbukuan inklusif negara yang mesra OKU.

5.2 KERANGKA DASAR PERBUKUAN NEGARA



RAJAH 1 Kerangka Dasar Perbukuan Negara merangkumi sembilan (9) gagasan, 31 strategi, dan 43 prakarsa.

5.3 GAGASAN, STRATEGI, DAN PRAKARSA

Untuk memastikan matlamat dan objektif DPN dicapai, sembilan gagasan, 31 strategi, dan 43 prakarsa telah dirancang untuk diupayakan demi memperkukuh budaya membaca dan membangunkan ekonomi perbukuan negara. Selain itu, 70 program turut dicadangkan untuk memastikan usaha yang difokuskan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

GAGASAN 1 – BUDAYA MEMBACA

Penguasaan dan pengukuhan budaya membaca dalam kalangan masyarakat selaras dengan aspirasi pembangunan negara bangsa.

Strategi 1 Memupuk tabiat membaca yang mapan.

Prakarsa	Cadangan Program
• Meningkatkan kuantiti pembacaan dalam kalangan masyarakat.	• Pemberian baucar buku khusus kepada anggota masyarakat secara bersasar.
• Meningkatkan kualiti pembacaan dalam kalangan masyarakat.	• Pelaksanaan Gerakan Membaca.
• Melahirkan pembaca baharu.	• Gerakan Membaca Komuniti • Program Literasi Awal Kanak-kanak.

Strategi 2 Menghasilkan bahan bacaan yang berkualiti dan bersesuaian.

Prakarsa	Cadangan Program
• Menyediakan pelbagai bahan bacaan umum dalam pelbagai bidang mengikut medium, format, dan kumpulan sasaran.	• Pembangunan pengkarya.

Strategi 3 Memperkasakan infrastruktur bagi menyokong akses kepada aktiviti pembudayaan membaca.

Prakarsa	Cadangan Program
• Menyediakan geran penganjuran pesta buku di seluruh negara.	• Penganjuran pesta buku fizikal.
• Membangunkan dan menaik taraf prasarana digital.	• Penganjuran pesta buku dalam talian. • Peluasan perpustakaan digital.

PUNCA KUASA

- Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Akta Perpustakaan Negara 1972 [Akta 80]
- Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 [Akta 213]
- Dasar Buku Negara (1985)
- Laporan Jawatankuasa Pelaksanaan Dasar Buku Negara (Jemaah Menteri 1988)
- Rancangan Pendidikan Malaysia 2026–2035
- Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026–2035
- Dasar Galakan Membaca Perpustakaan Negara 2013
- Dasar Industri Kreatif Negara (2012)
- Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN 2021)
- Dasar Pendidikan Digital, Kementerian Pendidikan Malaysia 2023
- Pelan Operasi Dasar Pendidikan Digital 2023–2030
- Pelan Strategik KPM 2024–2030
- Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia

GAGASAN 2 – PENDIGITALAN

Penghasilan bahan bacaan digital bagi memenuhi keperluan generasi pembaca semasa.

Strategi 1 **Meningkatkan kecekapan modal insan dan kemahiran digital dalam kalangan pemain industri (awam, swasta, syarikat berkaitan kerajaan, badan bukan kerajaan, dan lain-lain).**

Prakarsa	Cadangan Program
• Menyediakan latihan dalam kemahiran digital kepada pemain industri perbukuan.	• Pewujudan dana latihan.

Strategi 2 **Membangunkan infrastruktur yang bersesuaian dengan ekosistem penghasilan bahan bacaan digital.**

Prakarsa	Cadangan Program
• Menyokong perkhidmatan pendigitalan bahan bacaan.	• Pengecualian dan/atau rebat cukai bagi pembelian atau pembangunan infrastruktur yang menyokong penghasilan bahan digital.

Strategi 3 **Memperkasakan bahan bacaan digital yang berkualiti.**

Prakarsa	Cadangan Program
• Membangunkan bahan bacaan digital yang berkualiti dalam pelbagai format.	• Pewujudan dana pembangunan bahan digital.
• Menyediakan rangsangan terhadap pembangunan bahan bacaan digital.	• Pengiktirafan kepada pembangun dan produk bahan bacaan digital.

Strategi 4 **Memperluas akses bahan digital kepada komuniti terpinggir.**

Prakarsa	Cadangan Program
• Mewujudkan atau menaik taraf perpustakaan desa.	• Penyediaan perkakasan dan teknologi yang sesuai, capaian Internet serta bahan bacaan digital.

Strategi 5 Membangunkan korpus bahasa Melayu yang berkualiti tinggi.

Prakarsa	Cadangan Program
• Membangunkan teknologi data latihan korpus bahasa Melayu. • Menyediakan metadata untuk pembangunan korpus bahasa Melayu.	• Pemerkasaan pembangunan teknologi bahasa melalui tadbir urus data raya.

PUNCA KUASA

- Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]
- Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332]
- Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 [Akta 617]
- Akta Perpustakaan Negara 1972 [Akta 80]
- Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 [Akta 213]
- Dasar Buku Negara (1985)
- Laporan Jawatankuasa Pelaksanaan Dasar Buku Negara (Jemaah Menteri 1988)
- Dasar Industri Kreatif Negara (2012)
- Dasar Keusahawanan Nasional (2030)
- Rancangan Pendidikan Malaysia 2026–2035
- Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026–2035
- Dasar Galakan Membaca Perpustakaan Negara 2013
- Dasar 4IR Negara (2021)
- Dasar Industri Kreatif Negara (2012)
- Dasar Pendidikan Digital, Kementerian Pendidikan Malaysia 2023
- Pelan Operasi Dasar Pendidikan Digital 2023–2030
- Pelan Strategik KPM 2024–2030

GAGASAN 3 – LITERASI UNDANG-UNDANG DAN HAK CIPTA

Peningkatan kesedaran tentang literasi undang-undang dan keupayaan mempertahankan hak cipta dalam era digital.

Strategi 1 Meningkatkan kesedaran literasi undang-undang.

Prakarsa	Cadangan Program
• Mengadakan program kesedaran literasi undang-undang.	• Pelaksanaan kempen dan jerayawara.
• Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang hak cipta.	• Pelaksanaan jalinan kerjasama dengan platform pasaran digital.

Strategi 2 Melindungi pemegang hak cipta dalam kerangka teknologi baharu.

Prakarsa	Cadangan Program
• Menyemak Akta Hak Cipta 1987.	• Pelaksanaan kajian tentang Akta Hak Cipta 1987. • Pembinaan kerangka kod etika kecerdasan buatan.

Strategi 3 Membina sinergi dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam memperkasakan aktiviti perlindungan hak cipta.

Prakarsa	Cadangan Program
• Menubuhkan pasukan petugas perlindungan hak cipta.	• Pelaksanaan pemantauan hak cipta secara berkala.
• Mewujudkan dana perlindungan hak cipta.	• Pemberian dana bagi perlindungan hak cipta.

PUNCA KUASA

- Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 [Akta 213]
- Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32]
- Akta Perpustakaan Negara 1972 [Akta 80]
- Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301]
- Dasar Buku Negara (1985)
- Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 [Akta 331]
- Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332]
- Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 [Akta 617]
- Dasar Industri Kreatif Negara (2012)
- Rancangan Pendidikan Malaysia 2026–2035
- Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026–2035
- Dasar Galakan Membaca Perpustakaan Negara Malaysia 2013
- Dasar 4IR Negara (2021)
- Dasar Pendidikan Digital (2023)
- Pelan Operasi Dasar Pendidikan Digital 2023–2030
- Pelan Strategik KPM 2024–2030
- *Berne Convention for the Protection of Literary and Artistic Works*
- *WIPO Copyright Treaty (WCT)*

GAGASAN 4 – PENTERJEMAHAN PROFESIONAL

Pemerkasaan badan berautonomi tinggi yang berperanan sebagai pusat kecemerlangan terjemahan, penyelidikan linguistik strategik, dan diplomasi budaya melalui penterjemahan rentas bahasa serantau dan antarabangsa.

Strategi 1 Membangunkan profesion penterjemah tempatan mengikut piawaian global.

Prakarsa	Cadangan Program
• Mewujudkan akademi penterjemahan untuk melaksanakan latihan berterusan.	• Pelaksanaan latihan penterjemah kepada pelatih dalam pelbagai bidang undang-undang, teknologi, perubatan, dan kesusasteraan. • Pelaksanaan program pensijilan penterjemah. • Pelaksanaan skim latihan praktikal dan mobiliti penterjemah (tempatan dan luar negara).

Strategi 2 Mengantarabangsakan karya tempatan.

Prakarsa	Cadangan Program
• Menterjemahkan karya tempatan.	• Penyediaan geran penyelidikan atau penterjemahan untuk pengantarabangsaan karya. • Pelaksanaan program residensi penulis tempatan. • Penganjuran persidangan/ simposium/konvensyen penterjemahan kebangsaan, serantau atau antarabangsa. • Pengadaptasian kandungan Malaysiana. • Geran/dana penterjemah.
• Menghantar pengkarya ke program perbukuan antarabangsa.	• Pemerkasaan program pengantarabangsaan karya Malaysia ke pesta buku antarabangsa.

Strategi 3 Peneraju teknologi dalam ekosistem penterjemahan negara.

Prakarsa	Cadangan Program
• Membina sistem sokongan teknologi tempatan berasaskan AI.	• Pembangunan sistem dan perisian terjemahan berasaskan AI dalam pelbagai bahasa berteraskan bahasa Melayu. • Pembangunan Model Terjemahan Bahasa Melayu.
• Menjalin kolaborasi dengan universiti tempatan bagi menubuhkan unit pembangunan dan penyelidikan.	• Penubuhan unit pembangunan dan penyelidikan penterjemahan.

PUNCA KUASA

- Akta Bahasa Kebangsaan 1963/57 (Pindaan 1990)
- Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 [Akta 213]
- Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332]
- Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]
- Arahan Pentadbiran & Pekeliling Perkhidmatan – Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2009 (Bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi)
- Arahan Pentadbiran & Pekeliling Perkhidmatan – Garis Panduan JPA/ MAMPU (Perkhidmatan Terjemahan dan Penulisan Semula)
- Akta Syarikat 1965 [kini Akta 777]
- Perjanjian Antarabangsa dan Diplomatik
- Dasar Buku Negara (1985)
- Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN 2021)
- Dasar Industri Kreatif Negara (2012)
- Dasar 4IR Negara (2021)

GAGASAN 5 – PEMBANGUNAN PROFESIONALISME

Pemerkasaan pembangunan profesionalisme pemain industri.

Strategi 1 Mewujudkan standard kompetensi dan amalan terbaik industri perbukuan.

Prakarsa	Cadangan Program
• Mengkaji dan membangunkan standard kompetensi dan amalan terbaik industri perbukuan.	• Pelaksanaan jalinan kerjasama strategik antara pembuat dasar, pemain industri, dan ahli akademik.

Strategi 2 Mewujudkan kod etika penerbitan dalam kalangan pemain industri.

Prakarsa	Cadangan Program
• Membangunkan kod etika penerbitan dalam kalangan pemain industri.	• Pelaksanaan jalinan kerjasama strategik antara pembuat dasar dengan pemain industri dan ahli akademik.

PUNCA KUASA

- Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 [Akta 213]
- Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32]
- Akta Perpustakaan Negara 1972 [Akta 80]
- Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301]
- Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002
- Akta Komunikasi dan Multimedia 1998
- Dasar Buku Negara (1985)
- Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332]
- Dasar Industri Kreatif Negara (2012)
- Laporan Jawatankuasa Pelaksanaan Dasar Buku Negara (Jemaah Menteri 1988)
- Dasar Galakan Membaca Perpustakaan Negara Malaysia 2013
- Dasar 4IR Negara (2021)

GAGASAN 6 – PUSAT SEHENTI PERBUKUAN NEGARA

Pemerkasaan pusat sehenti perbukuan sebagai hab strategik nasional dan serantau.

Strategi 1 Menubuhkan Hab Pembangunan Kandungan Digital Global.

Prakarsa	Cadangan Program
• Membangunkan hab perkhidmatan pendigitalan produk dan proses bagi pemain industri tempatan, serantau, dan global yang berasaskan AI.	• Penubuhan koridor kandungan Asia Tenggara dengan kerjasama peneraju AI global.

Strategi 2 Menubuhkan Hab Penerokaan Perbukuan Negara.

Prakarsa	Cadangan Program
• Membangunkan galeri penerokaan interaktif dunia penulisan, pencetakan, penjilidan, dan teknologi perbukuan negara.	• Program pelancongan biblio.

Strategi 3 Mewujudkan Hab Perdagangan Fizikal Karya Asli dan Terjemahan Negara serta Global.

Prakarsa	Cadangan Program
• Membangunkan gedung fizikal bagi pemasaran buku kepada pelanggan yang beroperasi 24 jam sehari.	• Pewujudan hab pemasaran karya asli dan terjemahan nasional. • Pemberian insentif pemasaran bagi karya terpilih yang kurang nilai komersial tetapi penting untuk pembangunan intelektual masyarakat.

Strategi 4 Membentuk Hab e-Dagang Serantau.

Prakarsa	Cadangan Program
• Membangunkan hab pengembangan jualan buku fizikal dan digital melalui platform e-dagang kepada pelanggan tempatan dan serantau.	• Pemberian insentif bagi menggalakkan padanan perniagaan dagangan hak cipta penerbit tempatan dan antarabangsa. • Pemberian insentif perkhidmatan perbukuan berkaitan dengan e-dagang bagi meningkatkan kecekapan pemain industri.

Strategi 5 Membangunkan Hab Data dan Penyelidikan Perbukuan Serantau.

Prakarsa	Cadangan Program
• Mewujudkan hab rujukan data perbukuan negara dan serantau yang berautoriti.	• Pembangunan hab penyelidikan bagi perkembangan masa hadapan industri berasaskan data raya dan kecerdasan buatan.

Strategi 6 Melaksanakan Hab Latihan dan Hak Cipta Perbukuan Serantau.

Prakarsa	Cadangan Program
• Membangunkan hab peningkatan profesionalisme berteraskan inovasi, berteknologi tinggi, berbudaya, dan beretika.	• Pelaksanaan jalinan kerjasama dengan institusi latihan dan universiti berkaitan dengan perbukuan peringkat antarabangsa. • Penyediaan program biasiswa dan bantuan kewangan untuk melahirkan pelapis dalam industri perbukuan.

PUNCA KUASA

- Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Dasar Industri Kreatif Negara (2012)
- Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia
- Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332]
- Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN 2021)
- Rancangan Pendidikan Malaysia 2026–2035
- Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026–2035
- Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 [Akta 213]
- Dasar Buku Negara (1985)
- Laporan Jawatankuasa Pelaksanaan Dasar Buku Negara (Jemaah Menteri 1988)
- Dasar Industri Kreatif Negara (2011)
- Dasar Galakan Membaca Perpustakaan Negara 2013
- Dasar Pendidikan Digital, Kementerian Pendidikan Malaysia 2023
- Pelan Operasi Dasar Pendidikan Digital 2023–2030
- Pelan Strategik KPM 2024–2030

GAGASAN 7 – EKONOMI PERBUKUAN BAHARU

Penerokaan ekonomi perbukuan baharu bersesuaian dengan perkembangan ekonomi perbukuan global.

Strategi 1 Memanfaatkan penyelidikan dan pembangunan ekonomi perbukuan.

Prakarsa

- Meningkatkan kerjasama penyelidikan dan pembangunan ekonomi perbukuan antara pembuat dasar, pemain industri, dan penyelidik pusat pengajian tinggi dalam dan luar negara.

Cadangan Program

- Pewujudan dana penyelidikan industri buku.

Strategi 2 Memperkasakan peluang penerbitan dan pemasaran melalui perdagangan harta intelek.

Prakarsa

- Meningkatkan pemasaran baharu melalui perdagangan hak cipta.

Cadangan Program

- Pemantapan program pengantarabangsaan karya Malaysia ke pesta buku antarabangsa.
- Pemerkasaan Malaysia sebagai hab perdagangan hak cipta Asia Tenggara.

Strategi 3 Memperluas perkongsian strategik pada peringkat tempatan dan antarabangsa.

Prakarsa

- Menjalinkan kerjasama untuk memberikan manfaat kepada pelbagai pihak industri pada peringkat tempatan dan antarabangsa.

Cadangan Program

- Penganjuran program silang industri.
- Pengadaptasian kandungan Malaysiana.
- Pemasaran kandungan Malaysiana.
- Pelesenan.

PUNCA KUASA

- Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 [Akta 213]
- Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32]
- Akta Perpustakaan Negara 1972 [Akta 80]
- Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301]
- Dasar Buku Negara (1985)
- Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 [Akta 331]
- Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332]
- Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 [Akta 617]
- Dasar Industri Kreatif Negara (2012)
- Rancangan Pendidikan Malaysia 2026–2035
- Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026–2035
- Dasar Galakan Membaca Perpustakaan Negara Malaysia 2013
- Dasar 4IR Negara (2021)
- Dasar Pendidikan Digital (2023)
- Pelan Operasi Dasar Pendidikan Digital 2023–2030
- Pelan Strategik KPM 2024–2030

GAGASAN 8 – RANGSANGAN

Penyediaan rangsangan yang komprehensif bagi pertumbuhan industri perbukuan yang mampan.

Strategi 1 Menambah dana penerbitan karya asli.

Prakarsa	Cadangan Program
• Menyediakan geran penerbitan karya asli.	• Pewujudan badan penyelaras dana penerbitan karya asli.

Strategi 2 Memberdayakan usaha penerbitan buku agar lebih kompetitif.

Prakarsa	Cadangan Program
• Memberikan insentif pelepasan atau potongan cukai kepada pembeli, individu, dan syarikat yang terlibat dalam program dan aktiviti perbukuan negara.	• Pemberian insentif pelepasan cukai khusus kepada pembeli yang terlibat dalam program dan aktiviti perbukuan. • Pemberian insentif pelepasan cukai bagi bahan mentah dalam proses penerbitan buku seperti kertas, dakwat, plat, pencetakan, dan penjilidan. • Pemberian insentif pelepasan cukai bagi penerbitan yang mengaplikasikan amalan teknologi hijau dan penggunaan kertas kitar semula. • Pemberian dana transformasi ESG.

Strategi 3 Memperkasakan pengiktirafan kepada pemain industri perbukuan negara.

Prakarsa	Cadangan Program
• Memantapkan program pengiktirafan peringkat kebangsaan, serantau, atau antarabangsa.	• Penganjuran program pengiktirafan perbukuan.
• Mewujudkan Pensijilan ESG Buku Hijau Malaysia (*Green Book Label*) untuk penerbit yang mengamalkan pencetakan mesra alam.	• Penganugerahan sijil ESG Buku Hijau Malaysia (*Green Book Label*).

PUNCA KUASA

- Akta Perpustakaan Negara 1972 [Akta 80]
- Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 [Akta 213]
- Dasar Buku Negara (1985)
- Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 [Akta 331]
- Laporan Jawatankuasa Pelaksanaan Dasar Buku Negara (Jemaah Menteri 1988)
- Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 [Akta 617]
- Dasar Galakan Membaca Perpustakaan Negara Malaysia (2013)
- Dasar 4IR Negara (2021)
- Kerangka Dasar Luar Malaysia Baharu
- Dasar Keusahawanan Nasional
- Pelan Hala Tuju Teknologi Hijau Malaysia

GAGASAN 9 – EKOSISTEM PERBUKUAN INKLUSIF

Pembangunan dasar dan ekosistem perbukuan inklusif negara yang mesra OKU.

Strategi 1 Memperbanyak bahan bacaan untuk golongan OKU.

Prakarsa	Cadangan Program
• Menerbitkan bahan bacaan untuk golongan OKU.	• Pelaksanaan program latihan literasi bahan bacaan golongan OKU. • Pemberian subsidi bagi penghasilan bahan bacaan golongan OKU. • Pemberian rebat atau baucar.
• Menyediakan dana untuk penulis, penerbit, dan NGO untuk menghasilkan buku mesra OKU.	• Pewujudan dana untuk mentransliterasikan buku bertulisan Rumi kepada tulisan Braille. • Pewujudan dana untuk penerbitan buku audio. • Pewujudan dana untuk pembangunan e-buku dengan paparan khas. • Pewujudan dana dan prakarsa untuk AI pembaca suara.

Strategi 2 Membangunkan kemahiran OKU sebagai tenaga kerja dalam industri perbukuan.

Prakarsa	Cadangan Program
• Memperkasakan pusat latihan OKU.	• Pewujudan program latihan/ bengkel/seminar yang sesuai dengan golongan OKU seperti bengkel penyemakan pruf bahan bacaan OKU dan lain-lain. • Pensijilan kepada OKU seperti narator buku audio dan sebagainya.
• Memberikan pengiktirafan kepada golongan OKU.	• Penyediaan platform pengiktirafan seperti “Pencipta Kandungan Inklusif”.

Strategi 3 Mewujudkan Hab Inklusif Malaysia Membaca.

Prakarsa	Cadangan Program
• Mengumpulkan dan mengedarkan bahan bacaan inklusif secara terbuka.	• Penyediaan akses terbuka kepada komuniti OKU. • Pengintegrasian dengan sistem e-baucar buku. • Penyediaan pelantar muat turun bahan bacaan untuk OKU.

PUNCA KUASA

- Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Dasar Industri Kreatif Negara (2010)
- Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia
- Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332]
- Dasar Orang Kurang Upaya 2007
- Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026–2035
- Laporan Jawatankuasa Pelaksanaan Dasar Buku Negara (Jemaah Menteri 1988)
- Dasar Industri Kreatif Negara (2012)
- Rancangan Pendidikan Malaysia 2026–2035
- Pelan Strategik KPM 2024–2030
- Dasar Galakan Membaca Perpustakaan Negara 2013

6
MELANGKAH KE HADAPAN

MALAYSIA sedang melalui fasa baharu dalam pembangunan ekonomi termasuklah pembangunan insan, nilai, integriti, dan budaya yang pesat dalam pembinaan suatu peradaban bangsa yang unggul pada peringkat serantau dan sejagat. MBKM berperanan penting untuk menterjemahkan tindakan demi mencapai aspirasi ini seiring dengan peranan utamanya sebagai badan peneraju negara dalam hal pembudayaan tabiat membaca dan pembangunan industri perbukuan.

Dasawarsa ini, dunia berhadapan dengan cabaran untuk memperkukuh budaya membaca dan memperkasakan industri perbukuan secara holistik. Persekitaran ekonomi global yang mencabar dan tidak menentu, perkembangan pesat dunia teknologi serta pendigitalan termasuklah peluasan penggunaan teknologi AI, menuntut setiap pihak dalam industri perbukuan bersiap siaga dengan tindakan yang ampuh untuk menempuh cabaran ini.

Dalam hal ini, sembilan gagasan tuntas yang merangkumi pengukuhan kelahiran pembaca baharu, pembangunan kandungan, kesedaran tentang literasi undang-undang, dan keupayaan mempertahankan hak cipta dalam era digital, penterjemahan profesional yang berimpak tinggi, kesediaan pemain industri mengadaptasi perubahan pendigitalan, pewujudan pusat sehenti perbukuan negara, pengadaptasian model perniagaan baharu, kemampanan program rangsangan, dan cabaran akses inklusif kepada bahan bacaan untuk OKU telah dirangka dan harus ditindak susul oleh pihak berkepentingan di dalam dan di luar negara.

MBKM sebagai badan peneraju perbukuan negara perlu didukung sepenuhnya oleh kementerian, agensi, pihak industri, pihak swasta, dan pimpinan komuniti pada peringkat akar umbi agar bergerak sederap melalui strategi dan prakarsa yang mapan bagi melaksanakan dan merealisasikan gagasan ini.

DPN melakarkan hasrat menjadikan Malaysia negara membaca, negara maju yang terkehadapan dengan nilai manusiawi, mengangkat karya tempatan dan pengkarya negara ke peringkat antarabangsa. Usaha ini juga diharapkan dapat meletakkan Malaysia sebagai hab perbukuan di Asia Tenggara dalam tempoh 10 tahun yang akan datang.

GLOSARI

bahan bacaan merujuk kepada sumber bacaan fizikal atau digital.

bergerak sederap usaha atau gerakan yang dilaksanakan secara serentak dan selaras oleh semua pihak yang terlibat dalam industri perbukuan. Hal ini termasuklah penulis, penerbit, pengedar, perpustakaan, dan pembaca yang bergerak ke arah satu matlamat dan visi yang sama.

dasawarsa tempoh sepuluh tahun.

dinamik bertenaga dan berkekuatan serta mampu membuat penyesuaian serta menerbitkan pembaharuan dan kemajuan.

ekonomi negara secara inklusif pembangunan ekonomi yang melibatkan semua lapisan masyarakat dan memastikan manfaat pertumbuhan ekonomi dirasai oleh semua pihak.

Environmental, Social, and Governance (*ESG*) istilah yang digunakan oleh pelabur untuk menerangkan bidang yang bercirikan amalan kelestarian, kebertanggungjawaban atau etika sesebuah organisasi.

holistik bersifat saling berkaitan antara satu sama lain sebagai suatu sistem bersepadu yang menyeluruh.

International Standard Book Number (*ISBN*) Nombor Buku Piawaian Antarabangsa, iaitu nombor piawaian antarabangsa yang unik bagi pengenalan kepada sesebuah buku yang diterbitkan oleh penerbit tertentu.

International Standard Serial Number (*ISSN*) Nombor Siri Piawaian Antarabangsa, iaitu nombor bersiri piawai antarabangsa yang unik bagi pengenalan sesebuah penerbitan berkala seperti jurnal dan majalah.

kertas kitar semula kertas untuk pencetakan yang dihasilkan daripada kertas terpakai.

kompetensi kebolehan, pengetahuan, dan kemahiran untuk melaksanakan sesuatu tugasan dengan cekap atau dengan jayanya.

korelasi hubung kait.

Malaysiana hal yang berkaitan dengan Malaysia.

mapan stabil.

nilai MADANI merujuk kepada enam nilai teras dalam gagasan Malaysia MADANI, iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan, dan Ihsan.

pengintegrasian penggabungan pelbagai elemen.

pengkarya individu yang menghasilkan karya.

rangsangan dorongan insentif, stimulus, anugerah, dan apa-apa yang disediakan atau diberikan oleh pemain industri agar bergerak secara lebih dinamik.

SDG 4 (Sustainable Development Goals 4) matlamat pembangunan mapan yang diasaskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk memastikan pendidikan berkualiti dan saksama serta mempromosikan pembelajaran sepanjang hayat untuk semua.

RUJUKAN

Department of Statistics Malaysia, 2022. *Person with Disability Statistics, Malaysia, 2022*. Jabatan Perangkaan Malaysia.

Department of Statistics Malaysia, 2023. *Person with Disability Statistics, Malaysia, 2023*. Jabatan Perangkaan Malaysia.

Grand View Research, t.t. *Books Market Size, Share & Growth Industry Report, 2030*. Grand View Research. https://www.grandviewresearch.com/industry-analysis/books-market.

IBISWorld, 2024. *Global Book Publishing Market Size in 2024 [Market Data]*. IBISWorld. https://www.ibisworld.com/global/market-size/book-publishing/572.

Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 2025. *Malaysia MADANI – Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan*. https://malaysiamadani.gov.my/

Kementerian Pendidikan Malaysia, 2024. *122,062 Murid Tahun Satu Ikuti Program Intervensi Literasi dan Numerasi*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia, 2023. *Profil Membaca Rakyat Malaysia 2022/2023*. Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia.

SME Corporation Malaysia, Ogos 2025. *Profile of MSMEs in 2015–2024*. SME Corp. Malaysia.

Spherical Insights & Consulting, 2025. *Global Book Publishing Market Insights & Forecasts to 2035 [Research Report]*. Spherical Insights & Consulting. https://www.sphericalinsights.com/reports/book-publishing-market.

AHLI JAWATANKUASA DASAR PERBUKUAN NEGARA

Penaung
Datuk Seri Fadhlina Sidek
Menteri Pendidikan

Penasihat
Dato' Wan Hashim bin Wan Rahim
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan

Pengerusi
Mohd Khair bin Ngadiron
Setiausaha Majlis Buku Kebangsaan Malaysia

Timbalan Pengerusi I
Siti Amiza binti Abdul Aziz
Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia

Timbalan Pengerusi II
Wan Salahudin bin Wan Abdullah
Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia

Bendahari
Dato' Ivan Hoe Wat Sing
Bendahari Majlis Buku Kebangsaan Malaysia

Ketua Editor
Nurul A'syiqin binti Haris
Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia

Timbalan Ketua Editor
Zulaikah Begam binti T. Bavutty
Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia

Jawatankuasa Penulisan
Dato' Amzan bin Abd Malek
Adibah binti Omar
Prof. Madya Dr. Siti Rahmah binti Awang
Dr. Rosmani binti Omar
Hisham bin Hj. Rahmat
Keith Thong Yuet Sheng
Datuk Mohamad Fazly bin Zainudin
Ishak bin Hamzah
Arief Hakim Sani bin Rahmat
Hariza binti Mohd Yusof
Sylee Riza binti Arif
Mohammad Yong bin Salleh

Siti Norhadar binti Taharuddin
Nor Azanizan bin Anawar
Dr. Ana Afrina binti Abd Jamil
Yap Chee Mun
Thanapalan a/l Marimuthu
Tajudin bin Senafi
Madzlan bin Mohd Din
Henry Leung Yih Shyng
Salfariza binti Mohamad Idris

Penyunting Bahasa
Dewan Bahasa dan Pustaka

Dr. Rosmani binti Omar
Encik Abdul Ghani bin Abu
Encik Ruslan bin Abdull Raffar
YM Tengku Fauziah binti Ku Mat
Puan Sylee Riza binti Arif
Puan Rohayu binti Ismail @ Hassan
Puan Nurhidayah binti Mohd Hamid
Puan Ruziati binti Abdul Rani

Keurusetiaan

Erna Idzwana binti Abdul Rahman

Turut Menyumbang

Kementerian Pendidikan
Kementerian Pendidikan Tinggi
Kementerian Kewangan
Kementerian Dalam Negeri
Kementerian Komunikasi
Kementerian Digital
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Kementerian Perpaduan Negara
Kementerian Ekonomi
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Institut Terjemahan & Buku Malaysia
Perbadanan Kota Buku
Perpustakaan Negara Malaysia
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia
Persatuan Pengeksport dan Pengimport Buku Malaysia
Persatuan Penerbit Buku Malaysia
Persatuan Industri Buku Bumiputera Malaysia
Persatuan Penjual Buku Malaysia
Persatuan Kontraktor Buku Malaysia



eISBN 978-629-98696-1-0



Diterbitkan oleh:

MBKM
MAJLIS BUKU KEBANGSAAN MALAYSIA
NATIONAL BOOK COUNCIL OF MALAYSIA